

Dua karyawan 'menurun'

Karyawan 1: Mardan Mamat 'turun padang' tunjuk pelajar main golf

►NURUL'AIN RAZALI
nrzali@sph.com.sg

PERMATA sukan golf Singapura, Encik Mardan Mamat, akan 'menurunkan' ilmu kepada tiga pelajar bertuah di Raffles Country Club (RCC) seawal hujung minggu ini.

Pelajar tersebut merupakan pelajar golf di bawah Program Golf Belia (YGP) kelolaan Youth Golf Network.

Mereka terpilih – antara lapan permohonan – untuk menerima tunjuk ajar Encik Mardan menerusi program perintis, Skim Anak Didik YGP-Mardan (YGP-Mardan Adoption Scheme).

Satu-satunya pelajar Melayu yang terpilih mengikuti program tersebut ialah pelajar menengah empat Sekolah Menengah Montfort, Muhd Syabil Abdul Kadir.

Skim tersebut diumumkan menerusi satu sidang akhbar yang diadakan di National Service Resort and Country Club (NSRCC) Changi semalam (8/7).

"Sudah tiba masanya untuk saya menyumbang semula apa yang saya miliki. Saya telah menunggu peluang begini sejak sekian lama. Saya mahu mendidik generasi baru dalam sukan golf.

"Buat ketiga-tiga pelajar ini, saya mahu mereka menunjukkan disiplin, kemahiran, kekuatan mental dan yang paling penting, iltizam terhadap skim ini," ujar Encik Mardan, 45 tahun, ketika ditemui.

Menurut kenyataan YGP, peserta Skim Anak Didik YGP-Mardan akan menjalani latihan setiap Sabtu, dengan Encik Mardan akan berkongsi kemahiran serta teknik golf lanjutan, bertanding dalam sukan golf dan memupuk sikap yang betul ketika bermain golf.

Pengerusi YGP, Dr Janice Khoo, berkata setiap pelajar akan melalui sesi penilaian oleh Encik Mardan dan harus menunjukkan peningkatan dan minat.

Berkenaan generasi pelapis sukan golf, Encik Mardan berkata masih ada harapan bagi persada sukan itu.



BEGINI CARANYA: Encik Mardan (dua dari kanan) menyumbang masa dan tenaganya untuk tiga pelajar terpilih (dari kiri) Leverett Chua, Joey Poh dan Muhd Syabil, setiap Sabtu di RCC. – Foto KHALID BABA

Namun, beliau menggesa para belia agar memupuk rasa 'dahaga' akan kejayaan dalam mengejar cita-cita mereka.

"Saya sendiri datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

Tapi sejak waktu saya berumur sembilan tahun lagi, saya sematkan azam untuk menjadi pemain golf profesional di Singapura. Sejak kecil, saya 'dahagikan' kerjaya ini.

"Itulah sebabnya saya berada di

sini sekarang. Jika ingin menjadi juara, anda harus berfikir seperti juara. Saya ingin membina tahap keyakinan dalam diri mereka," ujar Encik Mardan.

Bagi Muhd Syabil, 15 tahun, be-

liau gembira dan ghairah menerima peluang sedemikian, apatah lagi Encik Mardan memang tokoh pujaannya sejak dulu.

Menerusi skim tersebut, Syabil pun berharap dapat memperbaiki

kelemahan yang sekian lama membelenggu prestasinya dalam padang golf, misalnya ketepatan dalam mengayun dan ayunan pertama (*tee off*).

"Sewaktu *tee off*, saya selalu kalut kerana ramai yang melihat dan hayunan saya menjadi senget sikit. Saya pun ingin mempelajari cara-cara menghayun dan mengekalkan prestasi sewaktu bermain," ujar Syabil.

Anak bongsu dalam keluarga tiga beradik itu hadir di sidang media bersama ibunya, suri rumah Cik Zaliha Miswadi.

Menurut Cik Zaliha, beliau telah membaca laporan *Berita Harian* tentang YGP beberapa tahun lalu, dan menggalakkan Syabil menyertainya.

Malah, demi menyokong anaknya itu, beliau dan suami menghadiahkan beberapa kayu golf kepadanya dan tambahan \$1,300 untuk membayar yuran menggunakan kemudahan padang golf dan sebagainya.

"Sukan golf ini berbeza daripada sukan-sukan lain. Ia memerlukan seseorang itu terus bersabar, relaks, malah ia bagus untuk menghilangkan tekanan. Saya berharap dapat menjadi seorang pemain golf profesional pada masa depan, seperti Mardan Mamat," ujar Syabil.

Dalam pada itu, Dr Khoo yakin akan potensi anak muda sekarang dalam persada golf.

"Saya rasa bersyukur atas kesudian RCC menaja tempat berlatih. Saya berharap mereka akan menjadi contoh kelab-kelab lain untuk membuka pintu mereka kepada belia, kerana apabila anak-anak bertanding, mereka sudah pun mencuba pelbagai keadaan kelak," ujar Dr Khoo.

Sejak ditubuhkan oleh Laguna National Golf and Country Club pada 1997, YGP telah melatih sekitar 4,400 pelajar berumur antara 13 dan 17 tahun dalam sukan golf secara percuma.

YGP bertujuan mendekati belia yang tidak mampu menjadi anggota kelab golf yang mahal, namun tetap berminat mendalami selok-belok sukan tersebut.